

Ambil pil kuda, minum ketum ketika memandu antara punca nahas

# 152,855 kemalangan treler, lori

Oleh **NURAINA HANIS**

**ABD. HALIM**

utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Mengambil dadah untuk tambah tenaga bagi mengelak daripada mengantuk demi mengejar 'trip' antara kesalahan dikesan pemandu kenderaan berat di jalan raya.

Mengikut rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 152,855 kes kemalangan jalan raya memabitkan lori dan treler dicatatkan dari 2019 hingga 14 Mei lalu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Bukit Aman, Datuk Mat Kasim Karim berkata, daripada operasi-operasi yang dijalankan, terdapat pemandu yang mengambil dadah bagi menambah tenaga jika terpaksa memandu semalaman, terutama perjalanan jauh.

"Selalunya mereka ambil pil kuda dan minum air dicampur ketum untuk mengelak daripada mengantuk.

"Selain itu, kita mendapati kemalangan berlaku disebabkan treler berhenti di lorong keceemasan atau laluan kiri sehingga



**SEBANYAK 152,855 kes kemalangan jalan raya melibatkan lori dan treler dicatatkan dalam tempoh lebih tiga tahun lalu. - IHSAN POLIS**

mengakibatkan kenderaan lain melanggar dari belakang," katanya semalam.

Menurut Mat Kassim, ada juga

kemalangan berlaku disebabkan brek rosak selain tidak diselenggara dengan baik.

Tambah beliau, dalam tempoh

tersebut, sebanyak 94,301 kemalangan treler dilaporkan berlaku manakala 58,554 kes memabitkan lori.